

TARBIAH REMAJA DALAM NOVEL *KASIH NAN AGUNG* DAN *IMPULS/ROH* KARYA SRI RAHAYU MOHD YUSOP

TEEN ENLIGHTEN IN THE NOVEL OF KASIH NAN AGUNG AND IMPULS/ROH WRITTEN BY SRI RAHAYU MOHD YUSOP

Kamariah Kamarudin

Abstrak

Dalam galur perkembangan sastera tanah air, kewujudan genre prosa remaja diperhati mengalami suatu pertumbuhan yang menggalakkan. Terdapat banyak karya remaja, khususnya novel yang tampil di pasaran yang bukan sekadar dihasilkan oleh penulis remaja, bahkan golongan dewasa juga. Namun kesemua novel yang dipersembahkan pastinya mempunyai mesej yang tersendiri untuk kelompok sasarnya. Lebih-lebih lagi novel-novel yang memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) bagi kategori novel remaja, rata-ratanya didapati menampilkan muatan nilai pendidikan yang tinggi untuk golongan remaja khususnya, dan golongan dewasa khasnya. Sementelah, nilai pendidikan yang disuguh pengarang bukan sekadar bersifat luaran (tersurat), bahkan mempunyai lapisan makna (tersirat) sebagai sumbangsaran dan perutusan yang besar terhadap khalayak dan masyarakat. Didapati nilai pendidikan yang digalurkan lebih terarah berdasarkan gandingan bidang pendidikan dengan Islam. Dalam hal ini, pendidikan bukan sekadar bersifat lahir, tetapi dalam perspektif Islam dinyatakan sebagai “tarbiah” yang lebih bersifat maknawi. Justeru, makalah ini merungkai tarbiah yang diutuskan pengarang dalam dua buah novel kajian, iaitu *Kasih Nan Agung* (2009) dan *Impuls/Roh* (2010). Kedua-dua buah novel ini dihasilkan oleh Sri Rahayu Mohd Yusop, dan diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hasil daripada kemenangannya dalam kategori novel remaja pada tahun-tahun tersebut. Kajian ini memperlihat tarbiah dari sudut enam perkara, iaitu tarbiah iman, tarbiah akhlak, tarbiah fizik, tarbiah intelektual, tarbiah psikologi dan tarbiah sosial yang terdapat dalam kedua-dua buah novel kajian.

Kata kunci: tarbiah, novel remaja, *Kasih Nan Agung*, *Impuls/Roh*, Sri Rahayu Mohd Yusop

Abstract

*In gullies national literary development, the existence of the prose genre teenagers observed a strong growth. There are many works of teenagers, especially novels have appeared on the market that is not only produced by young writers, even the adults as well. However, all presented novel certainly has its own message to the target group. Moreover, the novel won the Utusan Group Literary Prize (HSKU) for teenage novel category, were generally found to show high load values education for youth in particular, and young adults in particular. More, when the value of education written by authors not only is external (written), but has layers of meaning (implicit) as brainstorming and message of the audience and the community. Found that the value of education are highlighted more focused on coupling with Islamic education. In this regard, education is not just a romance character, but in the perspective of Islam is described as "overreach 'most' implication. Thus, this paper dwells on the author's mission overreach in the novels of study, namely *Kasih Nan Indah* (2009) and *Impuls / Roh* (2010). Both of these novels produced by Sri Rahayu Mohd Yusop, and published by Publications & Distributors Sdn. Limited. as a result of his victory in the novel juvenile during the year. This study showed an education from the six points of view, namely faith education, moral education, physical education, intellectual education, educational psychology and social education in both the novel study.*

Keywords: *Enlighten, teen novel, Kasih Nan Agung, Impuls/ Roh, Sri Rahayu Mohd Yusop*

Pengenalan

Dalam galur pertumbuhan persuratan Melayu tanah air, novel yang merupakan salah satu genre prosa diperhatikan sebagai proses yang memberangsangkan. Hal ini demikian kerana kepelbagaian jenis novel Melayu yang berada di pasaran memperlihatkan jalur tahap perkembangannya yang membawa petanda bahawa peri pentingnya

peranan karya sastera dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, dalam konteks pendidikan didapati bahawa genre novel Melayu khususnya remaja berperanan dalam membentuk golongan anak muda ke arah nilai-nilai luhur. Ini selaras dengan pandangan Al-Abrasyi (1969:71) yang menyatakan bahawa pendidikan Islam difokuskan kepada lima tujuan, iaitu: untuk membentuk akhlak yang mulia, persiapan untuk kehidupan di dunia dan kehidupan di akhirat, persiapan untuk mencari rezeki dan pemeliharaan manfaat, menumbuhkan semangat ilmiah dan rasa ingin tahu mengkaji ilmu dan memperlengkapkan pengetahuan para pelajar dalam bidang-bidang professional.¹ Maka, perkaitan antara nilai pendidikan dengan novel remaja dan khalayak pembaca sebagai sasarannya diperhatikan mempunyai hubungan yang ampuh. Malahan, seni sastera remaja dikatakan sebagai perlukisan yang bertujuan untuk meningkatkan kehidupan manusia remaja untuk terus-menerus menuju ke arah kesempurnaan dan memperjuangkan kesejahteraan, keadilan, kebahagiaan remaja mengikut ukuran dan ideologi remaja itu sendiri, bukan manusia kanak-kanak atau dewasa atau orang tua. (Nor Raudah Hj. Siren, 2006 : 97)

Sejajar dengan itu, rata-rata novel remaja yang menyumbang kepada nilai-nilai luhur ini berusaha membangunkan tema dan persoalan masing-masing. Dalam hal ini, pengarang diperhatikan memainkan tanggungjawabnya dalam menghantar perutusan dalam novel-novel yang dihasilkannya. Hal ini demikian kerana menurut jurus pandang Islam, usaha membangunkan nilai-nilai baik (*al-Khayr*), benar (*al-Haqq*) dan indah (*al-Jamal*) terhadap khalayak pembaca merupakan suatu amanah yang tidak boleh dipandang remeh kerana tinta dapat membentuk keyakinan dan kepercayaan manusia kepada Tuhannya.²

¹ Bacaan lanjut, sila lihat Hasan Langgulung, 1997. *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3.

² Sila lihat Surah al-Asyura, Ayat 221-227 yang bermaksud bahawa: “Apakah akan Aku beritakan kepadamu, kepada siapa syaitan-syaitan itu turun? Mereka turun kepada tiap-tiap pendusta lagi yang banyak dosa, mereka menghadapkan pendengaran (kepada syaitan) itu, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang pendusta. Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahwasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah dan bahwasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya?, kecuali orang-orang (penyair-penyair) yang beriman dan beramal saleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman. Dan orang-orang yang zalim itu kelak akan mengetahui

Malahan, karya yang bermanfaat adalah karya yang bermisi “*taghyir al-insan wa tahsinuhu*” (merubah manusia dan memperbaikinya), karya yang bersifat “*al-haqq qimmat al-jamal*” (kebenaran adalah puncak keindahan) yang mencakup nilai-nilai murni yang bukan sekadar bersifat fizikal tetapi maknawi.³ Selain itu, golongan penulis perlu mengambilkira ungkapan ini: “Untuk melahirkan karya-karya bermutu dari penulis-penulis tanah air yang akan menjadi bacaan, renungan dan pembinaan intelektualisme budaya dalam masyarakat dan yang akan menjadi warisan yang amat berharga untuk generasi akan datang.”⁴ Justeru, kajian ini merungkai tarbiah remaja dalam dua buah novel Sri Rahayu Mohd Yusop, iaitu *Kasih Nan Agung* (2009) dan *Impuls/Roh* (2010) bersandarkan kepada ciri-ciri pendidikan Islam yang dibawa oleh beberapa tokoh Islam. Sejauh manakah kedua-dua buah novel yang dikaji ini menepati tarbiah terhadap golongan remaja akan dijelaskan dalam analisis teks.

Perkembangan Novel Remaja di Malaysia

Mutakhir ini, perkembangan novel remaja di Malaysia begitu menggalakkan lantaran daripada sejarahnya yang panjang menerusi kehadiran Pejabat Karang-Mengarang yang menganjurkan Peraduan Mengarang Cerita Panjang pada tahun 1951.⁵ Justeru, antara nama-nama penting seperti Mohd. Ismail Sarbini, Nazel Hashim Mohamed, Rubaidin Siwar, Abdul Ahmad, Khadijah Hashim dan ramai lagi jelas memperlihatkan bahawa novel remaja telah mendapat kedudukan yang kukuh hasil daripada sumbangan tokoh-tokoh tertentu yang mendokong dan menyokongnya. Penglibatan Othman Puteh, yang terkenal dengan

ke tempat mana mereka akan kembali”, *Al-Qur'an dan terjemahnya*, 1419. Saudi Arabia: Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba'at al-Mushhaf al-Syarif Madinah Munawwarah, Kementerian UrusanAgama Islam Wakaf, Da'wah dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia, hlm. 589-590.

³ Kupasan lanjut tentang hal ini, sila lihat Siddiq Fadzil, 2005, “Jatidiri dan Nilai-nilai Budaya dalam Pemikiran Melayu” dlm. *Pembangunan Watak Bangsa*, Kajang: Penerbitan Kolej dar al-Hikmah dan Akademi Kajian Ketamadunan, hlm. 49.

⁴ Huraian lanjut, sila lihat Misran Rokimin, 2006, *Isu Pendidikan & Pembangunan Insan Menerusi Novel*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 28.

⁵ Penjelasan lanjut tentang susur-galur perkembangan sastera remaja, sila rujuk Nor Raudah Hj. Siren, 2006, *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 99-100.

jolokan “raja novelis” juga sebagai seorang pengkaji sastera remaja pada dekad 1980-an, dan Ali Majod yang menggerakkan pelbagai aktiviti dan acara seperti bengkel, seminar yang menghimpunkan kelompok “penulisan remaja” begitu meninggalkan impak besar dalam perkembangan novel remaja tanah air. Malahan, tidak dinafikan dengan penglibatan secara tuntas penerbit unggul tanah air, Dewan Bahasa dan Pustaka dalam melestarikan karya remaja menyerlahkan kelahiran novel-novel remaja. Pada peringkat awal perkembangan novel remaja, jelas memperlihatkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menyemarakkan perkembangan novel remaja lantaran penglibatannya mengadakan pelbagai pertandingan bagi mencungkil ratusan nama-nama pengarang yang berpotensi, yang akhirnya kini menjadi terkenal dan popular. Antara usaha yang dijalankan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah Peraduan Mengarang Novel Bercorak Fiksyen Sains (1980), Skim Galakan Penulis Remaja (1986), Minggu Remaja (1985) dan lain-lain. Malahan, penglibatan ESSO-GAPENA mengadakan sayembara menulis novel remaja, wujudnya penerbit-penerbit lain, iaitu Marwilis Publishers & Distributors, ‘K’ Publishing, Creative Enterprise merupakan landasan untuk novel remaja subur sehingga hari ini.

Kini, menerusi pelbagai penerbitan yang tumbuh bagi cendawan, didapati banyak novel yang terhasil di pasaran. Antara penerbit yang aktif mengeluarkan novel remaja seperti PTS Sdn. Bhd, Alaf 21 Sdn. Bhd, KarnaDya Solutions, Jemari Seni Publishing, Ameen Publishing, Casa Delima, dan banyak lagi. Justeru, penglibatan institusi tertentu dalam menganjurkan pelbagai “pertandingan” atau “peraduan” atau “sayembara” menulis novel amat penting dalam hayat perkembangan novel remaja tanah air. Berdasarkan penglibatan golongan penulis tanpa mengira peringkat usia dan latar belakang pendidikan dalam menghasilkan karya memperlihatkan sumbangan yang bermakna dalam galur perkembangan novel remaja tanah air. Hal ini misalnya dapat diperhatikan menerusi penyertaan golongan pengarang dalam beberapa “pertandingan” dan “peraduan” yang diadakan saban tahun. Sebagai contoh, “Pertandingan Menulis Novel Remaja” yang dianjurkan pihak Kumpulan Utusan Melayu dalam acara Hadiah Sastera Kumpulan Utusan Melayu (HSKU), dan genre novel remaja dijadikan platform mengenangkan karya-karya sastera ke gelanggang masyarakat.

Dalam konteks ini, hasil daripada perkembangan HSKU memperlihatkan kewujudan novel-novel remaja yang bukan sekadar

memenuhi kriteria yang disyaratkan dalam pertandingan, bahkan matlamat utama tentunya menyingkap sejauh mana kualiti karya terbabit. Didapati bahawa novel remaja yang memenangi HSKU mempunyai sejarahnya yang panjang, iaitu penobatan pemenang bermula pada tahun 1988 dan berterusan sehingga kini. Bermula dengan nama seperti Ainol Jamal Mansor, Khairuddin Ayip, Osman Azub, Hartini Hamzah, Ghazali Ngah Azia, Zailani Taslim, Halis Azhan Mohd Hanafiah, Gunawan Mahmood, Talib Samat, Abu Hassan Morad, Jusang Bolong, Hasidah Disan, Faisal Tehrani, Nisah Haron dan ramai lagi yang memenangi HSKU ini menunjukkan novel remaja telah diakui di peringkat nasional dan diterima dalam kalangan masyarakat khususnya dalam membawa nilai pendidikan. Sementelahan pula, ada dalam kalangan novel remaja tersebut yang terpilih sebagai teks komsas di sekolah-sekolah seperti novel *Panas Salju* dan *Julia*. Maka, makalah ini merungkai tarbiah remaja dalam novel *Kasih Nan Agung* dan *Impuls/Roh*, kedua-duanya dihasilkan oleh Sri Rahayu Mohd Yusop, yang kedua-duanya juga turut memenangi HSKU pada tahun 2008 dan 2009.

Tarbiah dalam Perspektif Islam

Menurut perspektif Islam, pendidikan mempunyai kedudukan yang paling tinggi berdasarkan wahyu pertama yang disampaikan kepada Rasulullah SAW menerusi Surah al-Alaq. Di samping itu, wahyu ini juga mengandungi suruhan belajar mengenali Allah SWT bagi memahami fenomena alam serta mengenali diri yang merangkumi prinsip-prinsip akidah, ilmu dan amal. Ketiga-tiga prinsip ini merupakan teras kepada falsafah pendidikan Islam.⁶ Malahan, didapati bahawa pendidikan boleh merubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu masyarakat melalui pelbagai proses. Proses pemindahan tersebut ialah pengajaran, latihan dan indoktrinasi. Pemindahan nilai-nilai melalui pengajaran ialah memindahkan pengetahuan dari individu kepada individu yang lain; dan latihan ialah membiasakan diri melakukan sesuatu bagi memperoleh kemahiran, sementara indoktrinasi pula menjadikan seseorang dapat meniru apa yang dilakukan oleh orang lain. Ketiga-tiga proses ini berjalan serentak dalam masyarakat primitif dan moden (Hassan Langgulung, 1987).

⁶ Perbincangan lanjut, sila lihat

http://ms.wikipedia.org/wiki/Institusi_pendidikan_dalam_Islam

Sementelahan pula, pendidikan sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuklah akal, hati dan rohani, jasmani, akhlak, dan tingkah laku. Ia bertujuan untuk menyediakan manusia bagi menghadapi masyarakat yang sering menghadapi kebaikan dan kejahatan, kemanisan dan kepahitan (Yusuf al-Qardawi, 1983). Didapati bahawa pendidikan berakar umbi daripada perkataan “didik” yang bererti “pelihara”, “ajar” dan “jaga”. Setelah dijadikan analogi, pendidikan boleh diuraikan sebagai satu proses yang berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi supaya dapat melahirkan orang yang berilmu, baik tingkah laku dan dapat mengekalkan nilai-nilai budaya dalam kalangan masyarakat. Maka, terdapat istilah-istilah penting dalam pendidikan yang sering digunakan sarjana Islam, iaitu “*ta’lim*”, “*ta’dib*” dan “*tarbiyah*”. Dalam hal ini, perkataan “*tarbiyah*” yang berasal daripada “*Rabb*” yang merujuk kepada Allah SWT sebagai pendidik umat manusia dilihat begitu tepat dalam konteks pendidikan⁷, dan akan digunakan dalam perbincangan makalah ini. Sehubungan itu, berdasarkan al-Quran, terdapat ayat-ayat yang mengagaskan perihal pentingnya pendidikan dalam keluarga sebagaimana terjemahan dalam beberapa ayat al-Quran:

“Dan diperintahkan kepada keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya”

(Surah Thaaha: 132)

“Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya Malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”

(Surah at-Tahrim: 6)

⁷ Hal ini diperkuat dengan pandangan berikut: “Al-Qur'an mentarbiyah orang-orang yang beriman agar selalu merasakan ‘kebersamaan Allah’ atau senantiasa merasa diawasi oleh-Nya”, sila rujuk Muhammad Syadid, 2003, *Manhaj Tarbiyah Metode Pembinaan dalam al-Qur'an*, Jakarta: Robbani Press, hlm. 316.

Berdasarkan dua surah ini menunjukkan bahawa tunjang ketua keluarga mencorakkan ahlinya dengan pendidikan yang sempurna dalam soal agama tanpa kompromi.

Justeru, jelaslah bahawa pendidikan menurut Islam ialah satu proses berterusan untuk merubah, melatih dan mendidik akal, jasmani serta rohani manusia dengan berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu bagi melahirkan insan yang bertaqwa dan mengabdiikan diri kepada Allah SWT untuk mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat. Ini juga sejajar dengan terjemahan hadis yang memperihalkan tanggungjawab dalam pendidikan, iaitu:

“Seorang laki-laki adalah penggembala di dalam keluarganya dan ia bertanggung jawab terhadap gembalaannya itu.”

(*Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim*).

Terjemahan hadis lain yang bersangkutan dengan pendidikan ialah:

“Seseorang yang mendidik anaknya lebih baik daripada bersedekah satuh sha’.”

(*Hadis Riwayat Abdu'r Razzaq dan Said bin Manshur*).

Manakala menurut pula menegaskan bahawa pentingnya pendidikan Islam terhadap anak-anak sebagaimana terjemahan berikut:

“Didiklah anak-anakmu pada tiga perkara, mencintai Nabimu, mencintai ahli baitnya, dan membaca al-Qur'an.”

(*Hadis Riwayat ath-Thabrani*)

Tarbiah dalam Novel Kasih Nan Agung dan Impuls/Roh

Pendidikan dalam konteks pengembangan generasi muda amat dituntut lantaran kerana kelompok ini akan menerajui satu masa kelak. Malahan, dalam agama Islam, pendidikan merupakan teraju utama dalam sebuah kekeluargaan. Kesan pendidikan yang baik yang diperoleh di rumah dapat membentuk keperibadian anak-anak di tengah masyarakat. Tanggungjawab mendidik anak-anak pula menjadi satu keperluan yang tidak boleh diambil mudah sebagaimana terjemahan hadis yang diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim berikut:

“Seorang laki-laki adalah penggembala di dalam keluarganya dan ia bertanggungjawab terhadap gembalaannya itu. Dan seorang wanita adalah penggembala di dalam rumah suaminya dan ia bertanggungjawab terhadap gembalaannya itu.”

(*Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim*)

Terdapat banyak frasa dalam pendidikan yang menumpukan kepada pembentukan nilai diri yang seterusnya mengarahkan kepada penyucian hati dan penyerahan manusia kepada *Rabb* (Tuhan).Maka, dalam konteks ini tarbiah didapati bersesuaian dijadikan landasan ke arah pembinaan, pemupukan dan pembentukan diri anak-anak oleh ibu bapa. Menurut Abdullah Nashih Ulwan (1996: 149), kebanyakan para pendidik berpendapat bahawa tanggung jawab yang terpenting dalam mentarbiah anak-anak adalah:

1. Pendidikan iman
2. Pendidikan akhlak
3. Pendidikan fizik
4. Pendidikan intelektual
5. Pendidikan psikologi
6. Pendidikan sosial
7. Pendidikan seksual

Justeru, menerusi kedua-dua buah novel kajian, lima daripada pendidikan di atas akan dibincangkan dengan lebih lanjut, iaitu tarbiah iman, tarbiah akhlak, tarbiah intelektual, tarbiah psikologi, dan tarbiah sosial. Perungkaiian dilakukan terhadap garapan pengarang menerusi watak dan perwatakan berdasarkan isu dalam dua buah novel, iaitu *Kasih Nan Agung* dan *Impuls/Roh*.

(a) Tarbiah iman

Menerusi novel *Kasih Nan Agung*, tarbiah iman disuguh pengarang tentang keyakinan seseorang terhadap kejadian manusia di atas muka bumi ini. Novel ini memperihalkan tentang pentingnya pengetahuan agama khususnya Muslim meneroka ilmu Islam yang mengisahkan kehidupan manusia sebagaimana yang terungkap dalam al-Quran. Menerusi watak Awang Safar, pengarang menghantar nilai tarbiah iman kepada khalayak pembaca khasnya anak muda agar menekuni

terjemahan al-Quran untuk mengetahui peri pentingnya keagungan Allah SWT sebagai pencipta manusia. Novel ini juga menyanggah pandangan Barat yang menyatakan manusia dijadikan daripada jurai mawas sebagaimana Teori Darwin, malah menerusi keyakinan Awang Safar yang tegas dan lantang berhujah tentang gagasan al-Quran yang mengutarakan kejadian manusia (Sri Rahayu Mohd Yusop, 2009: 46-47, 49-50). Penampilan watak anak muda yang berani berhujah dalam soal kejadian manusia menunjukkan tarbiah iman yang digalurkan dalam novel ini untuk manfaat para pembaca.

Manakala berdasarkan novel *Impuls/Roh* pula, tarbiah iman dipaparkan pengarang menerusi kepercayaan manusia menghadapi proses kehidupan dan hubungkaitnya dengan Qada' dan Qadar dalam Islam. Novel ini mengenengahkan watak Kauselor Huda yang tegas dan yakin menasihati Ahmad Fahim tentang kewujudan seseorang khalifah dan perkaitannya dengan kematian yang telah ditetapkan Allah SWT sejak azali. Berdasarkan tarbiah iman tentang perlunya keyakinan manusia percaya kepada keagungan Allah, percaya kepada hari akhirat dan percaya kepada dugaan-Nya memperlihatkan peri pentingnya penguasaan agama Islam khususnya rukun Islam dan rukun Iman terhadap seseorang Muslim, lebih-lebih lagi golongan remaja. Novel ini memaparkan keperibadian anak muda yang menguasai ilmu agama, dan akhirnya dapat pula menasihati golongan remaja yang menunjukkan tarbiah iman sebagaimana ungkapan ini:

“Yakinlah, Fahim. Apa yang berlaku kepada kita sekarang adalah kerana Allah SWT merancangkannya berlaku sedemikian, dan Allah telah memberi ujian dalam bentuk pilihan-pilihan yang telah kita buat, lantas kita membuat pilihan-pilihan secara sedar, dengan izin-Nya juga.”

(*Sri Rahayu Mohd Yusop, 2010: 91-93.*)

(b) Tarbiah akhlak

Berdasarkan novel *Kasih Nan Agung*, tarbiah akhlak dipersembahkan pengarang mengenai watak utamanya, Jaka Sulaiman sebagai anak muda yang memiliki keperibadian

mulia dalam pergaulan. Hal ini dikemukakan dalam novel menerusi akhlak Jaka Sulaiman ketika dalam dua hubungan, iaitu hubungan manusia dengan manusia (*habl min al-Nas*) dan hubungan manusia dengan Pencipta (*habl min Allah*). Pengarang memperlihatkan akhlak Jaka Sulaiman yang sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah SWT (Sri Rahayu Mohd Yusop, 2009: 100) dan sentiasa mendengar nasihat ayahnya untuk menjadi anak yang soleh dan Muslim yang patuh pada perintah-Nya (Sri Rahayu Mohd Yusop, 2010: 113-114). Konsep hubungan manusia dengan manusia (*habl min al-Nas*) dan hubungan manusia dengan Pencipta (*habl min Allah*) sebagaimana yang diutarakan dalam novel ini jelas memperlihatkan tarbiah akhlak disuguh pengarang terhadap pembaca khususnya golongan remaja.

Berdasarkan *Impuls/Roh*, penelitian tentang tarbiah akhlak diketengahkan pengarang menerusi watak yang mendominasi novel, Ahmad Fahim. Novel ini memaparkan keperibadian anak muda yang mempunyai sifat sabar, redha dan tenang mengharung cabaran kehidupan sama ada ketika berhubung dengan manusia atau berhubungan dengan Yang Maha Pencipta. Malahan, keperibadian mulia yang dipasangkan dalam diri Ahmad Fahim ini jelas memperlihatkan tarbiah akhlak seharusnya menjadi “pakaian peribadi” untuk anak muda yang berpendidikan dan daripada latar belakang keluarga berpelajaran sebagaimana yang dibancuh dalam novel *Impuls/Roh* ini.

(c) Tarbiah intelektual

Berdasarkan novel *Kasih Nan Agung*, tarbiah intelektual diketengahkan pengarang menerusi tema dan persoalan yang terdapat dalam novel tersebut. Hal ini demikian kerana novel terbabit membawa tema tentang kefahaman pembaca terhadap kejadian manusia yang bersumberkan Islam, persoalan yang agak langka dalam perkembangan persuratan Melayu tanah air lebih-lebih lagi dalam genre novel remaja. Pengarang mengemukakan isu tentang peri pentingnya kejadian manusia dalam konteks Islam yang disusurgalurkan daripada Adam dan Hawa, bukannya daripada mawas atau kera. Maka, novel ini

menyuguh tarbiah intelektual terhadap pembaca dengan menyanggah Teori Darwin yang dimomok oleh Barat tentang kejadian manusia di atas muka bumi ini dengan kupasan terjemahan ayat-ayat al-Quran dan huraian yang kukuh.

Begitu halnya juga dalam novel *Impuls/Roh* yang turut membawa tarbiah intelektual terhadap khalayak khususnya remaja.Novel ini mengutarakan kepentingan penguasaan ilmu sains yang bertunjangkan Islam sebagai asas untuk memahami kehebatan Yang Maha Pencipta terhadap pembentukan manusia. Dalam hal ini, pengarang menyuguh tarbiah intelektual berdasarkan persoalan tentang “impuls” dan “roh” yang menjadi perdebatan dalam kelompok manusia sama ada di Timur atau Barat. Maka, novel ini turut menyanggah pandangan Barat yang menyatakan bahawa otak manusia yang berkuasa dalam mentafsir semua kejadian di dunia ini. Malahan, pengarang menobatkan peri pentingnya kewujudan Allah SWT sebagai pencipta, dan roh manusia bukan terletak pada otak (Sri Rahayu Mohd Yusop, 2009: 92-94). Novel ini membawa pembaca menekuni hujah-hujah yang dibawa oleh watak Kaunselor Nurul Huda dan Ahmad Fahim tentang pertalian antara manusia dengan Yang Maha Pencipta menerusi huraian daripada terjemahan ayat-ayat al-Qur'an.

(d) Tarbiah psikologi

Menerusi novel *Kasih Nan Agung*, tarbiah psikologi dibancuh pengarang tentang perkaitan antara Teori Evolusi yang dijana Barat dengan kehebatan al-Quran sebagaimana dalam Surah al-Mukminun Ayat 12-13 yang memperihalkan manusia. Pengarang menggalurkan psikologi Barat yang menekankan kejadian manusia berdasarkan Teori Evolusi menerusi pandangan Darwin, iaitu daripada salasilah kera dan mawas. Berbanding dengan psikologi Islam yang menegaskan kewujudan manusia berdasarkan juraian keturunan Adam dan Hawa daripada saripati tanah sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran (Sri Rahayu Mohd Yusop, 2010: 122-125). Justeru, dengan mengemukakan dua sudut pandang tentang kejadian dan kewujudan manusia ini jelas memperlihatkan tarbiah psikologi diajukan dalam novel ini untuk khalayak meneroka ilmu Barat dan Islam dengan lebih terperinci.

Malahan dengan penampilan isu ini dapat membuka horizon fikir pembaca tentang pertembungan ilmu Barat dan Islam demi kemaslahatan ummah sejagat.

Novel *Impuls/Roh* pula mengemukakan tarbiah psikologi berdasarkan isu pertentangan antara falsafah Barat dengan fikrah Islam tentang otak dan roh manusia. Pengarang mengajukan persoalan mengenai perlunya fahaman Islam yang mendalam dan penguasaan ilmu sains yang bertunjangkan agama untuk memperlihatkan pencerahan dan kebenaran yang hakiki dalam kepercayaan manusia. Tarbiah psikologi yang diutarakan dalam novel ini menguji pemikiran pembaca untuk memahami perutusan yang dibawa pengarang bagi membuktikan kehebatan sains Islam yang berpasaskan kepercayaan kepada Yang Maha Pencipta berbanding dengan falsafah Barat yang berfokuskan kepada kekuatan otak dan bijaksana (Sri Rahayu Mohd Yusop, 2019: 87). Maka, dalam konteks ini memerlukan penaakulan pembaca khususnya remaja merungkai perdebatan “impuls”, “roh”, “sains” dan “Islam” tatkala meneliti terjemahan ayat-ayat al-Quran yang disuguh dalam novel ini. Misalnya terjemahan Surah al-An’ām Ayat 103 dan Surah ar-Rum Ayat 7 yang mengkehendaki penerokaan khalayak menelaah al-Quran dengan teliti bagi memahami hubungkait antara Islam dan kejadian manusia, roh dan otak yang diciptakan Allah SWT. Malahan, penelitian terhadap perkaitan antara ilmu sains dan Islam juga perlu diberi perhatian pembaca dalam memahami novel *Impuls/Roh* ini.

(e) Tarbiah sosial

Tarbiah sosial dalam novel *Kasih Nan Agung* diketengahkan pengarang menerusi hubungan dalam masyarakat yang dibangunkan menerusi rencaman watak-watak yang bersifat dominan atau sebaliknya. Pengarang mengemukakan rangkaian persahabatan antara golongan tua (Awang Safar, Encik Yazed), golongan muda (Jaka Sulaiman, Wazir, Bahaduri), non-Muslim (Evangeline, Maximilian Blake), dan sebagainya dalam mengukuh tarbiah sosial yang melibatkan nilai kasih-sayang, bantu-membantu, bekerjasama, toleransi dan lain-lain. Novel ini menampilkan perutusan yang mendidik pembaca dengan

tarbiah sosial yang bukan sekadar bersifat lahir, bahkan menjangkau kepada maknawi. Jelas bahawa tarbiah sosial dalam novel ini mendidik remaja supaya hidup dalam harmoni dan saling hormat-menghormati sebagai teras tunjang kemuliaan seseorang.

Manakala dalam novel *Impuls/Roh* pula, tarbiah sosial digalurkan pengarang berdasarkan garapan watak-watak yang pelbagai sifat dan latar belakang pendidikan dan kekeluargaan. Hal ini dapat diperhatikan menerusi watak-watak yang diterajui oleh anak muda seperti Ahmad Fahmi, Kaunselor Huda dan Zaquan Lee serta kumpulan saintis, iaitu Cassius, Parcival dan Freya. Malahan, penampilan watak Dr. Faruqi dan Siti Arfaa yang menjadi mauduk perbincangan utama dalam novel walaupun kedua-dua perwatakan ini sekadar “mesra” dengan pembaca dalam beberapa plot lantaran kedua-duanya berada dalam keadaan koma pada awal dan pertengahan bab. Jelas bahawa tarbiah sosial dalam novel ini mengundang persepsi peri pentingnya menggalurkan persahabatan, persefahaman dan perbincangan dalam mengutus nilai-nilai luhur dalam kehidupan. Amalan nasihat-menasihati, memberi dorongan dan inspirasi, menghantar simpati dan empati, menangani kemelut dan emosi dan pelbagai lagi antara tarbiah sosial yang dapat mendidik pembaca khususnya golongan remaja dalam arus kehidupan yang sarat cabaran.

Kesimpulan

Berdasarkan kedua-dua buah novel yang digarap oleh Sri Rahayu Mohd Yusop jelas memperlihatkan tarbiah remaja diungkapkan pengarang. Novel *Kasih Nan Agung* dan *Impuls/Roh* didapati merupakan novel yang memerlukan penelitian dan keseriusan tatkala menghadamnya lantaran isu dan persoalan yang diutuskan bukan sekadar berkisar tentang hubungan manusia sesama manusia (*habl min al-Nas*), bahkan melibatkan hubungan manusia dengan Yang Maha Pencipta (*habl min Allah*). Sementelah, novel ini menunjukkan keprihatinan pengarang menangani kelesuan golongan remaja terhadap budaya berfikir, budaya bertanya, budaya berbincang, budaya meneroka dan budaya memahami dalam proses pendidikan dan peningkatan kematangan. Malahan, penglibatan golongan dewasa

khususnya ibu bapa dalam membantu anak-anak remaja memahami novel remaja yang bernada “serius” dan “berat” ini perlu dilakukan agar karya besar sebegini yang memperihalkan nilai pendidikan yang utuh hanya sepi di gudang buku, atau “tidak diperhati” dalam kalangan masyarakat. Kerjasama padu dalam institusi pendidikan yang melibatkan semua golongan begitu dituntut supaya saranan dan mesej pengarang sampai kepada khalayaknya, malah dijadikan panduan dalam kehidupan.

Didapati bahawa kedua-dua novel ini menyediakan ruang dan peluang untuk golongan remaja belajar tentang “pentarbiahan” diri dalam ruang lingkup iman, akhlak, intelektual, psikologi dan sosial. Secara keseluruhannya, Novel *Kasih Nan Agungdan Impuls/Roh* menggalurkan tarbiah remaja bukan bersifat permukaan (tersurat), bahkan mengundang anak muda kepada perutusan yang bersifat dalaman (tersirat). Kedua-dua buah novel ini mengkehendaki para pembaca bukan sekadar membaca untuk meneliti kisah dan isu yang diungkap pengarang, bahkan memugar kembali ilmu yang dibancuhnya dalam karya untuk penerokaan ilmu Islam yang luas cakupannya sebagai sandaran kehidupan. Justeru, kedua-dua buah novel ini amat penting dalam galur perkembangan novel remaja tanah air yang bukan sahaja memenangi HSKU, bahkan memberi impak dalam melestari hayat khazanah persuratan Melayu terhadap pembikinan nilai insani dan peradaban agama, nusa dan bangsa pada masa akan datang.

Bibliografi

- Abdullah Nashih Ulwan. 1996. *Pedoman Pendidikan Anak Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Victory Agence.
- Al-Quran dan terjemahnya*. 1419. Saudi Arabia: Mujamma’ al-Malik Fahd li Thiba’at al-Mushhaf al-Syarif Madinah Munawwarah, Kementerian UrusanAgama Islam Wakaf, Da’wah dan Irsyad Kerajaan Saudi Arabia.

Hassan Langgulung. 1980. *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Hasan Langgulung. 1997. *Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Misran Rokimin. 2006. *Isu Pendidikan & Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Syadid. 2003. *Manhaj Tarbiyah Metode Pembinaan dalam al-Qur'an*. Jakarta: Robbani Press.

Nor Raudah Hj. Siren. 2006. *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siddiq Fadzil. 2005. "Jatidiri dan Nilai-nilai Budaya dalam Pemikiran Melayu" dlm. *Pembangunan Watak Bangsa*, Kajang: Penerbitan Kolej dar al-Hikmah dan Akademi Kajian Ketamadunan.

Sri Rahayu Mohd Yusop. 2009. *Kasih Nan Agung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sri Rahayu Mohd Yusop. 2010. *Impuls/Roh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Qardhawi, Yusuf. 1983. *Sistem Pendidikan Ikhwanul Muslimin*, Jakarta: Media Da'wah.

http://ms.wikipedia.org/wiki/Institusi_pendidikan_dalam_Islam yang dimuat turun pada 25 Oktober 2011.